

SMK RANCHA-RANCHA Cipta Sejarah Jom Baca Bersama 10 Minit Rentas Sempadan Melibatkan 50 Buah Sekolah Seluruh Negara



Labuan, 23 APRIL 2020 – Pusat Sumber Dato Seri Datin Hajjah Norsiah (PSS DSDN) SMK Ranca-Ranca(SMKRR) telah melaksanakan program ‘Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Rentas Sempadan’ yang telah merentas sempadan negeri-negeri di Malaysia secara atas talian.

Pada tahun ini, pihak pengurusan PSS DSDN telah mengambil inisiatif pintar dengan membuat penganjuran secara kolaboratif bersama SMK Taman Keramat, Gombak, Selangor.

Program yang dijalankan semasa negara berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan sempena pandemik


Coronavirus-19 ini telah sepenuhnya menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara maya sepertimana yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aplikasi Google Meet menjadi media utama perkumpulan peserta yang terdiri dari pentadbir sekolah, guru, pelajar yang datang dari lebih 50 buah sekolah dan tidak ketinggalan ahli komuniti setempat. Peserta yang terdiri dari pelbagai kaum ini berjaya menyahut seruan kerajaan untuk mengintegrasikan kaum di Malaysia.

Di dalam ucapan alu-aluannya kepada para peserta, Encik Yahya bin Ahmad Puteh selaku Pengetua SMKRR telah memberikan pujian kepada pihak pengurusan PSS DSDN SMKRR dibawah pengurusan Encik Sapri bin Idris selaku Guru Perpustakaan & Media. Beliau telah mengambil langkah proaktif dan berani untuk penganjuran secara atas talian ini, sekaligus berjaya mendapatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat pendidikan terutamanya, dari seluruh negara.

Pengetua SMKRR ini juga berharap agar kerjasama yang telah dijalin untuk berbagai program semenjak tahun 2018 lagi bersama SMK Taman Keramat, Gombak Selangor akan terus berkekalan dengan pelbagai program kolaborasi antara kedua-dua buah sekolah.

SMKRR yang terkenal sebagai sebuah Sekolah Komuniti, membuka luas dan mengalu-alukan penyertaan seumpama ini di kalangan komuniti dan masyarakat setempat untuk merealisasikan kemenjadian murid di SMKRR.



EN.YAHYA BIN AHMAD PUTEH PENGETUA SMK RANCHA-RANCHA

Majlis turut member ruang kepada wakil Tuan Zainal bin Ismail, Timbalan PPD Sektor Pembelajaran, Daerah Gombak , Selangor iaitu Puan Rohanah binti Abdul Rahim menyampaikan ucapan.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan setinggi-tinggi rasa kagum dan tahniah kepada SMK Rancho-Rancho dan SMK Taman Keramat. Kedua-dua sekolah ini berjaya menjadi penganjur bersama di dalam program ilmu yang sangat member impak kepada para peserta program.

Beliau turut menegaskan bahawa budaya membaca perlu disuburkan agar Matlamat Pendidikan Negara dapat dicapai. Majunya sebuah negara itu bergantung kepada penduduknya yang cintakan kepada budaya membaca.

Pegawai Perasmi, Ustaz Abd Rahman bin Ahmad, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan (JPWPL), wakil rasmi Pengarah Pendidikan (JPWPL), Tuan Raisin bin Saidin dalam ucapannya berkata, pihak JPWPL memberi sokongan penuh penganjuran berterusan di masa-masa akan datang untuk Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Rentas Sempadan ini.

**SEBAHAGIAN PESERTA PROGRAM SECARA ATAS TALIAN
ANALISIS PESERTA PROGAM 'JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT
RENTAS SEMPADAN TAHUN 2020 IKUT KATEGORI**

BIL	KATEGORI	BILANGAN PESERTA
1	Guru SMKRR	35 orang
2	Murid SMKRR	141 orang
3	Ibubapa SMKRR	9 orang
4	Komuniti Labuan	38 orang
5	Guru dan murid SMART	99 orang
6	Komuniti luar (jemputan)	415 orang
	JUMLAH KESELURUHAN	737 orang

PECAHAN KAUM PESERTA

KAUM	JUMLAH PESERTA
Melayu	559
Cina	9
India	169
JUMLAH KESELURUHAN	737

Sungguh pun baru pertama kali program atas talian ini dianjurkan, ia telah mendapat penglibatan luar jangka. Seramai 737 orang peserta telah mendaftarkan kehadiran mereka semasa program berlangsung.


Antara peserta yang telah ikut serta program ini ialah Puan Norsiah Sulaiman, Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Dan Pendidikan JPWPL dan Tuan Zainal bin Ismail selaku Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah dari Sektor Pembelajaran Daerah Gombak.

Majlis turut memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada adik Mohamad Hazfarizal Bin Ismail, pelajar Tingkatan 4 dari SMKRR. Antara pengisian program ini adalah ucapan alu-aluan daripada pentadbir sekolah

dan pegawai pendidikan negeri.

Selain itu persembahan montaj perasmian juga turut ditayangkan kepada seluruh peserta. Acara kemuncak pada hari itu ialah bacaan secara serentak selama 10 minit dari jam 11.00 pagi hingga 11.10 minit pagi oleh semua peserta program.

Di akhir majlis, wakil peserta yang terdiri daripada 4 orang pelajar, wakil Pengetua dan Guru Besar serta Guru Perpustakaan dan Media telah diberi peluang untuk memberi ucapan penghargaan mengenai program ini.



EN SAPRI BIN IDRIS, GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA PSS DSDN
SMKRR

BERTINDAK SELAKU SETIAUSAHA PROGRAM

Berita Oleh : SMK Ranca-Ranca